

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	8 APRIL 2015

MCA yakin penuh pentadbiran Najib

» Fokus kepada pembangunan negara bersama UMNO, BN

Oleh Mohd Hamizar Hamid
dan Mohd Azrone Sarabatin
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kepemimpinan MCA mengulangi pendirian menyokong penuh pentad-

biran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan akan mempertahankan kepimpinannya dalam mendepani kritikan.

Bersama bangun negara
Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata fokus parti itu sebagai komponen BN adalah bersama-sama UMNO dalam membangunkan negara.

“Kami memberi sokongan penuh kepada Najib (selaku Pengerusi BN dan Presiden UMNO). Kami sangat fokus kepada pembangunan negara bersama UMNO dan BN serta

tidak membenarkan sebarang serangan menggugat pendirian kami membina negara ini,” katanya kepada media di lobi Parlimen, semalam.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang mengkritik Najib menerusi laman blog beliau *chedet.cc*, dilaporkan berkata, UMNO dan BN akan kalah jika Najib menerajui parti dan pentadbiran kerajaan dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Kelmarin, Ahli Parlimen BN menyuarakan sokongan padu kepada kepimpinan Najib yang dikritik Dr Mahathir.



“**Kami memberi sokongan penuh kepada Najib** (selaku Pengerusi BN dan Presiden UMNO)”

Liow Tiong Lai,
Presiden MCA